



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS SAMBUTAN BULAN INTEGRITI PERINGKAT
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

OLEH

YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L
KARPAL SINGH
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU
PINANG MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA
PERUMAHAN, KERJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN
BANDAR & DESA**

TARIKH / MASA / TEMPAT
26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)
9.30 PAGI

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan
Perancangan Bandar & Desa

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani binti Haji Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

YBhg. Datin Hjh. Che Limah Binti Hj. Ujang

Pengerusi PUSPANITA MBSP

En. Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengerusi ANULAE Seberang Perai

En. Mat Nasir bin Hassan

Naib Yang Dipertua PESUKA

En. Mohamad Nizam bin Md Shariff

Yang Dipertua PERMAI

Pn. Latifah binti Razali

Pengerusi KOSPEMA

Kakitangan-Kakitangan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Sambutan Bulan Integriti Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudi hadir ke Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk bersama-sama dengan warga MBSP, menjayakan Sambutan Bulan Integriti Dan Ikrar Integriti di pagi ini dan seterusnya melancarkan Pelan Antirasuah MBSP 2021-2025. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP; Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta semua yang turut hadir kerana sudi melapangkan masa, memeriahkan suasana bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi yang barakah ini.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Khidmat Pengurusan MBSP yang telah berusaha keras menganjurkan program ini. Sesungguhnya majlis ini merupakan satu usaha pengurusan MBSP untuk menyemarakkan semangat berintegriti dalam kalangan warga MBSP.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP amat memberi perhatian serius terhadap masalah integriti dan etika di kalangan warga kerja MBSP tanpa mengira barisan pengurusan tertinggi mahupun peringkat pelaksana. Kupasan integriti ini di antaranya mengaitkan elemen seperti etika iaitu tingkahlaku pekerja dan kejayaan yang melibatkan urusan yang adil dalam melaksanakan kerja mengikut KPI yang telah ditetapkan, kejujuran dan kebolehpercayaan di tempat kerja.

Justeru MBSP amat komited dalam usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan pecah amanah di kalangan kakitangan. MBSP adalah organisasi pertama yang dipersijilkan Sistem Pengurusan Anti-Suapan / Sogokan ISO 37001:2016 (ABMS) oleh SIRIM

QAS International Sdn. Bhd. pada 20 Oktober 2017 dengan nombor siri pensijilan ABMS 00101. Sistem ini dilaksanakan di MBSP bertujuan untuk memperkasakan pematuhan undang-undang berkaitan suapan / sogokan serta membantu mengurangkan risiko suapan. MBSP berharap agar satu hari nanti MBSP akan menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang bebas rasuah rasuah / sogokan.

Dalam memberikan komitmen yang tinggi dalam memerangi rasuah, Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menyediakan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021-2025 yang berdasarkan kepada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019. Pelan ini disediakan melalui satu proses yang mengambil kira aspirasi dan harapan warga Seberang Perai dalam perjalanan memerangi rasuah.

Pelaksanaan Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi tempoh lima tahun akan datang ini adalah amat signifikan dalam mencerminkan wadah Pengurusan Tertinggi MBSP dalam membentuk sebuah Kerajaan Tempatan yang bebas rasuah dengan warganya membudayakan ketelusan, akauntabili dan integri. Kewujudan pelan ini juga berperanan sebagai kawalan yang efektif kepada agenda integriti untuk memperkuuhkan identiti MBSP selaku Kerajaan Tempatan mentadbir urus

Seberang Perai dan menjadi peneraju utama dalam agenda pembangunan secara kolektif.

MBSP komited dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang terkandung dan menjadi aspirasi agar perjalanan memerangi rasuah tidak akan terhenti. Isu pelanggaran tatakelakuan turut diambil kira sebagai *red flag* atau asas kepada pra-kenalpasti masalah rasuah dan perlanggaran integriti dalam organisasi dan diaplikasikan dalam strategi pelaksanaan pelan. Saya menyeru dan mengharapkan semua warga MBSP akan memberikan sepenuh komitmen dalam memastikan pelaksanaan setiap inisiatif yang telah dirancang dalam Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021-2025.

Besarlah harapan MBSP untuk melihat Pelan Antirasuah MBSP ini berjaya dilaksanakan dan menjadi panduan ke arah melaksanakan agenda integriti dalam organisasi secara holistik.

Pelan Antirasuah MBSP 2021-2025 telah menetapkan empat (4) strategi utama untuk dilaksanakan. Strategi tersebut adalah:

- 1) Memperkuatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam;

- 2) Mempertingkatkan keberkesan dan ketelusan perolehan awam;
- 3) Menginstusikan kredibili penguatkuasaan undang-undang
- 4) Memupuk tadbir urus baik dalam MBSP.

Kerangka pelan ini adalah hasil daripada perbincangan yang dijalankan di peringkat MBSP melibatkan pelbagai jabatan untuk membangunkan pelan yang lengkap meliputi semua aspek yang berkait rapat dengan MBSP. Kerjasama semua pihak yang terlibat bersama pemegang taruh dalam membudayakan integriti merupakan gambaran komitmen yang tinggi demi menjayakan aspirasi MBSP. Pelan ini juga diharapkan mampu mengatasi kelemahan integriti dan tadbir urus dalam MBSP. Kita tidak boleh kompromi dalam membasmi rasuah. Ini menjadi kewajiban setiap dari kita yang berada di dalam kerajaan dan perkhidmatan awam dan inilah juga kehendak rakyat. Rakyat menginginkan sebuah kerajaan yang amanah, bersih dan berintegriti. Maka, Pengurusan Tertinggi MBSP berjanji dan komited dalam membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan di MBSP melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa serta mengamalkan nilai-nilai murni. Semoga dengan inisiatif ini hasrat untuk menjadikan Majlis Bandaraya Seberang Perai Bebas Rasuah menjadi realiti.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP telah melaksanakan *Business Process Reengineering* (BPR) terhadap proses pengurusan permohonan lesen perniagaan di mana proses sedia ada telah diperkemaskan dengan menyingkirkan proses kerja yang difikirkan tidak lagi relevan bagi mengelakkan sogokan dan rasuah.

Pengemaskinian yang dibuat melibatkan:-

- a. Perniagaan Tidak Berisiko Dalam Skim - pengeluaran serta merta selepas menerima permohonan lengkap; dan
- b. Perniagaan Tidak Berisiko Luar Skim, Berisiko Dalam Skim dan Berisiko Luar Skim - 21 hari dari tarikh permohonan lesen

MBSP berterusan membuat inovasi dalam proses pengeluaran lesen.

Mulai tahun 2021, MBSP akan mengeluarkan lesen serta-merta bagi semua aktiviti perniagaan dan pengilangan kecuali aktiviti perniagaan dan pengilangan yang berlaku dalam premis yang tidak sah. Peningkatan

inovasi dalam proses kerja pengeluaran lesen adalah supaya proses tersebut jelas, telus dan pantas untuk mengelak rasuah dan sogokan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP menekankan transformasi disita untuk mengelakkan rasuah dan sogokan. MBSP telah membangunkan MBSPPay yang dipaparkan di *cyber counter* sebagai payment gateway dan *one stop payment centre* di mana pengguna boleh melakukan pelbagai jenis pembayaran bil-bil MBSP secara atas talian seperti cukai taksiran, sewaan gerai / tapak, kompaun letak kenderaan, kompaun halangan, kompaun pelesenan, kompaun bangunan, kompaun perbandaran, kompaun kesihatan dan kompaun veterinar dengan hanya satu transaksi sahaja. Pembayaran dibuat melalui penggunaan kad kredit dan kad debit; e-Pembayaran melalui FPX/Kad Kredit; QR Bill bagi tujuan imbas dan bayar. MBSPPay dapat menjimatkan masa dan boleh dilakukan di mana-mana sahaja pada bila-bila masa dan mengurangkan kebergantungan dan kesesakan di kaunter MBSP. Transaksi tanpa tunai telah meningkat daripada 61.75% pada tahun 2019 kepada 71.43% pada tahun 2020 (sehingga 5 Oktober 2020).

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP menekankan kebijakan pekerja untuk mengelakkan rasuah dan sogokan. Kebijakan kakitangan MBSP amat dititikberatkan dan MBSP telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi meringankan beban kewangan kakitangan yang menghadapi masalah kesihatan dan memerlukan rawatan berterusan:-

- i. MBSP menyediakan kemudahan perubatan yang merangkumi perbelanjaan rawatan jantung di Institut Jantung Negara (IJN), rawatan hemodialisis sepanjang tempoh perkhidmatan untuk kakitangan kontrak dan sepanjang hayat bagi kakitangan tetap dan berpencen, pembelian alat orthopedik, alat bantuan pendengaran bagi pekerja OKU, ubat-ubatan, alat bantuan penglihatan dan rawatan pakar. Kemudahan perbelanjaan rawatan hemodialisis juga diberikan kepada ibu bapa kakitangan yang masih berkhidmat.
- ii. Bagi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, kemudahan Klinik Panel disediakan kepada kakitangan bujang dan kakitangan berkeluarga. Mulai tahun 2020, kemudahan rawatan

klinik panel dinaikkan sebanyak RM400.00 bagi Ahli Majlis dan kakitangan berkeluarga menjadikan had kelayakan tahunan meningkat daripada RM600.00 kepada RM1,000.00 setahun manakala bagi Ahli Majlis dan kakitangan yang belum berkeluarga dinaikkan sebanyak RM150.00 menjadikan had kelayakan meningkat daripada RM250.00 kepada RM400.00 setahun. Bagi kakitangan yang suami dan isteri berkhidmat di MBSP, had kelayakan tahunan dinaikkan daripada RM600.00 kepada RM1,400.00 setahun.

- iii. Kemudahan rawatan menggunakan Klinik Panel juga termasuk rawatan pergigian dan elauan perubatan klinik juga diperluaskan kepada ibubapa kakitangan.
- iv. Bayaran balik pembelian kaca mata bagi kakitangan yang mempunyai masalah penglihatan dan rawatan kepada anak-anak kakitangan di klinik pakar kanak-kanak
- v. Pemberian suntikan *anti-tetanus* kepada kakitangan yang berisiko.

Dalam penambahbaikan perkhidmatan rawatan Klinik Panel, Mesyuarat Ketua Jabatan Dasar, Inovasi dan Kualiti bertarikh 23 November 2020 telah meluluskan semua Ahli Majlis dan kakitangan MBSP (bertaraf tetap dan kontrak) untuk mendapatkan kesemua kemudahan perkhidmatan rawatan yang disediakan di semua Klinik Panel berkuatkuasa pada 1 Januari 2021.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Majlis Sambutan Bulan Integriti Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir bersama dan melancarkan Buku Pelan Anti Rasuah (MBSP) 2021-2025. Terima kasih juga kepada Ahli- Ahli Majlis MBSP, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan semua warga kerja MBSP yang telah sama-sama memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP, dasar-dasar baru MBSP dan Hala Tuju MBSP dan saya pasti

dengan komitmen ini, “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***” dapat direalisasikan pada tahun 2022.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.